© Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Publisher's Office

JTS

Journal of Techno Social

http://penerbit.uthm.edu.my/ojs/index.php/jts
ISSN : 2229-8940 e-ISSN : 2600-7940

# Kerangka Konseptual Kajian Kemahiran Hidup Isirumah Miskin dari Perspektif Teori Kemahiran Hidup

**Othman Che Jusoh[1], Hamidi Ismail[1*]**

[1] Pusat Pengajian Kerajaan,
Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa,
Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, MALAYSIA

*Corresponding Author

DOI: https://doi.org/10.30880/jts.2019.11.02.001
Received 20 May 2019; Accepted 08 July 2019; Available online 30 December 2019

**Abstract:** Previous studies from psychosocial perspectives found that there was a gap of knowledge, especially from aspects of the conceptual framework of life skills of the poor in handling family poverty. The objective of this paper is to draw up a conceptual framework of the study based on Life Skills Theory developed by the World Health Organization in 1998. A total of 10 positive life skills constructs that form the conceptual framework of the study are problem solving, decision-making, self-esteem, creative thinking, self-awareness, critical thinking, empathy, effective communication, self-esteem and mental stability. This article is important in the scientific context because it can be a source of reference or help other researchers to devise studies related to poverty.

**Keywords:** Conceptual Framework; Life Skills; Life Skills Theory; Poverty

**Abstrak Bahasa Melayu :** Kajian lepas dari perspektif psikososial mendapati terdapat lompang keilmuan, terutamanya dari aspek kerangka konseptual kemahiran hidup masyarakat miskin dalam menangani kemiskinan keluarga. Objektif makalah ini adalah untuk merangka kerangka konseptual kajian berasaskan kepada Teori Kemahiran Hidup yang dibangunkan oleh pihak World Health Organisation pada tahun 1998. Sebanyak 10 konstruk kemahiran hidup yang positif yang membentuk kerangka konseptual kajian adalah penyelesaian masalah, pembuatan keputusan, ketahanan diri, pemikiran kreatif, kesedaran diri, pemikiran kritis, empati, komunikasi berkesan, keyakinan diri dan kestabilan pemikiran. Artikel ini adalah penting dalam konteks keilmuan kerana ia boleh menjadi sumber rujukan atau membantu penyelidik lain untuk merangka kajian berkaitan kemiskinan.

**Kata Kunci**: Kemahiran Hidup; Kemiskinan; Kerangka Konseptual; Teori Kemahiran Hidup

## 1. Pengenalan

Usaha menangani kemiskinan adalah penting kerana ia boleh mengurangkan kadar kemiskinan di sesebuah negara umumnya dan sesebuah kawasan khususnya. Menurut Abbott dan Pollard (2004), isu menangani kemiskinan bukan suatu perkara baharu yang berlaku dalam sesebuah negara sedang membangun, mahupun negara maju. Perkara ini memerlukan usaha oleh sesebuah keluarga, di samping peranan yang dimainkan oleh kerajaan dalam konteks dasar. Hal ini bertepatan dengan pendapat Brandolini (2001), Haveman dan Bershadker (2001) serta Sen (1987; 1999) yang menyatakan bahawa keinginan untuk keluar daripada kemiskinan adalah sebahagian besarnya bergantung kepada diri atau keluarga itu sendiri. Secara umumnya, Rowentree (1901) mendefinisikan bahawa kemiskinan adalah suatu

*Corresponding author: hamidi@uum.edu.my
2019 UTHM Publisher. All right reserved.

keadaan ketidakcukupan pendapatan keluarga bagi memenuhi keperluan asas seumpama makanan, tempat tinggal dan pakaian agar membolehkan mereka kekal pada peringkat cukup untuk hidup. Sementara itu, Townsend (1979) mendefinisikan kemiskinan adalah sebagai kekurangan sumber oleh individu, keluarga dan kelompok masyarakat untuk mendapatkan jenis makanan yang baik, tidak berupaya untuk berinteraksi dengan masyarakat dan tiada jaminan keselamatan. Todaro (1985) pula berpendapat seseorang adalah miskin apabila tidak dapat memenuhi keperluan perlindungan, makanan, pakaian dan memiliki pendapatan rendah di bawah daripada tahap minimum yang diperlukan. Ishak (1996) berpendapat miskin apabila berlaku satu keadaan isirumah tidak memperolehi pendapatan yang cukup bagi menampung sejumlah perbelanjaan untuk keperluan asas yang minimum seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan asas bukan makanan. Maksud kemiskinan pada pandangan Norzita Jamil dan Siti Hadijah Che Mat (2014) pula merujuk kepada situasi serba kekurangan yang terjadi bukan atas kehendak dan kerelaan setiap isirumah (keluarga) miskin.

Penelitian terhadap kajian lepas dari perspektif psikologi sosial atau psikososial mendapati terdapat lompang keilmuan (*research gap*) yang gagal diteliti secara khusus, terutamanya dari aspek kerangka konseptual kemahiran hidup masyarakat miskin dalam menangani kemiskinan keluarga. Kajian terdahulu sepintas lalu lebih memfokuskan kepada ukuran kemiskinan sepertimana kajian oleh Alkire dan Seth (2009), Asselin dan Anh (2010), Brandolini (2001), Haveman dan Bershadker (2001), Mussard dan Alperin (2008), Naveed dan Tanweer-ul-Islam (2010) serta Sen (1987; 1999). Dalam konteks kajian faktor kemiskinan pula telah dikaji oleh Abbott dan Pollard (2004), Li dan Schwaub (2004) serta Wade (2001). Seterusnya, aspek membahagikan status kemiskinan atau bentuk kemiskinan pula dijalankan oleh Notten (2008) dan Wagle (2004), manakala pendekatan dalam menganalisis kemiskinan pula dijalankan oleh Deutsch dan Silber (2005). Justeru, objektif makalah ini adalah untuk membentuk kerangka konseptual kajian berasaskan kepada Teori Kemahiran Hidup yang dibangunkan oleh pihak World Health Organisation pada tahun 1998 (WHO, 1999).

## 2. Ulasan Literatur dan Sumbangan Ilmu

Masalah kemiskinan telah ramai pengkaji melibatkan diri mereka untuk meneliti pelbagai aspek sama ada berbentuk punca, proses sehingga kepada kesannya kepada masyarakat. Kajian dan penulisan tentang kemiskinan di Malaysia telah bermula sejak dari zaman Za'ba lagi (atau Za’aba dan nama sebenar beliau adalah Zainal Abidin bin Ahmad melalui tulisannya dalam surat khabar Malay Mail pada tahun 1923) iaitu bermula sebelum negara merdeka sehingga pada masa kini. Beliau merupakan tokoh pertama yang berani membangkitkan isu kemiskinan rakyat pada zaman penjajah (Aziz, 1975). Za’ba berpendapat orang Melayu miskin di tanah airnya sendiri di bawah penjajah British, malah Melayu sinonim dengan kaum yang miskin. Orang Melayu adalah digambarkan kaum miskin daripada aspek kebendaan dan kerohanian.

Tokoh seterusnya yang terlibat secara langsung dan sangat berjasa dalam pembangunan ekonomi masyarakat di Malaysia, terutamanya orang Melayu adalah Profesor Diraja Ungku Aziz (Pak Ungku) atau nama sebenar beliau adalah Ungku A. Aziz (Hashim Yaacob et al., 2010). Tokoh ini terkenal dengan indeks ukuran kemiskinan berasaskan penunjuk kain sarong kerana masyarakat zaman tersebut dikatakan berada sekiranya memiliki kain sarong yang melebihi daripada kegunaan pemakaian atau simpanan kain sarong. Jadi, sumbangan dalam konteks kajian kemiskinan yang terkenal oleh Pak Ungku adalah dalam bentuk pembentukan kriteria ukuran kemiskinan, di samping kaedah pembasmian kemiskinan.

Kesedaran tentang perlunya membasmi kemiskinan dan perlunya mengeluarkan orang Melayu serta bumiputera dari kancah kemiskinan dimulai dengan dua orang tokoh terkenal tanah air ini mendorong pengkaji berikut meneliti kemiskinan dari pelbagai sudut secara ilmiah. Kajian oleh Chamhuri Siwar dan Mohd. Yusof Kasim (1997) tentang isu kepesatan pembangunan membawa kepada penghijrahan masyarakat pinggi ke bandar, seterusnya menekan persekitaran bandar dalam pelbagai aspek seperti perkhidmatan, kemudahan asas dan alam sekitar. Kajian mereka mendapati ia memberikan kesan buruk kepada keseluruhan sistem pengurusan bandar dan memerlukan langkah rombakan terhadap sistem sedia ada agar dapat memenuhi keperluan masyarakat bandar yang semakin meningkat.

Kajian oleh Chamhuri Siwar et al. (2016) pula adalah tentang isu trend kemiskinan bandar yang dikaitkan dengan pembangunan Malaysia dari tahun 1970 hingga 2012. Kajian mereka mendapati bahawa peningkatan dalam jumlah penduduk menyebabkan peningkatan bersama kos sara hidup, jenayah, masalah sosial, kemerosotan kualiti alam sekitar, pengangguran dan kemiskinan. Kajian mereka ini memperlihatkan bahawa kemiskinan mempunyai kaitan dengan kepesatan pembangunan bandar kerana kesan sampingan daripada rebakan bandar terhadap sumber ekonomi atau peluang pekerjaan yang gagal disediakan kepada masyarakat yang semakin meningkat.

Kajian oleh Rabiul Islam et al. (2017) pula adalah tentang isu ketidaksamarataan pendapatan secara melampau di Malaysia. Walaupun terdapat pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan untuk membendung masalah ini, namun begitu ia tetap berlaku seolah-olah tiada jalan penyelesaiannya. Kejadian kemiskinan dengan jurang pendapatan sangat berbeza berlaku antara kawasan luar bandar dengan bandar. Kajian mencadangkan agar pihak kerajaan perlu menyelesaikannya melalui pendekatan pendidikan, bantuan kewangan serta peranan badan bukan kerajaan (NGOs) terhadap kumpulan miskin.

Kajian oleh Mok et al. (2007) adalah berkenaan isu faktor dominan mempengaruhi kemiskinan bandar di Malaysia berdasarkan Laporan Krisis Kewangan Asian pada tahun 1997. Kajian mereka mendapati bahawa pengurangan

pendapatan berlaku semasa masalah kewangan Asian menyebabkan kemiskinan masyarakat tempatan, sementara pekerja asing menerima kesan lebih buruk berbanding rakyat Malaysia. Selain itu, saiz keluarga dan kaum juga memainkan peranan penting menentukan kemiskinan di bandar kerana keluarga yang lebih besar menjadikan kemiskinan bertambah serta kaum India dan Melayu menerima kesan lebih tinggi berbanding Cina.

Sementara itu, kajian oleh Nor Rashidah Zainal et al. (2012) pula adalah berkenaan dengan isu kualiti hidup masyarakat bandar miskin di Malaysia. Kajian mereka mendapati bahawa kemiskinan boleh menyebabkan tahap kesihatan terganggu, keadaan rumah yang tidak terurus dengan baik, keselamatan keluarga adalah rendah serta sistem sokongan sosial menghadapi masalah dan menimbulkan kesan kepada keadaan sosial keluarga. Justeru, ia memerlukan penglibatan pelbagai pihak dalam menyelesaikan masalah tersebut kerana kesannya amat buruk dalam konteks kualiti hidup rakyat.

Kajian oleh Dullah Mulok et al. (2014) pula adalah tentang isu persepsi masyarakat miskin di Kudat, Sabah terhadap projek pembasmian kemiskinan. Responden mendapati bahawa langkah pembasmian kemiskinan adalah berjaya dan masyarakat memiliki kefahaman serta penglibatan secara positif serta percaya ia mampu dibanteras. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak boleh dijalankan secara keseluruhan kerana memiliki kekangan pelbagai aspek seperti kawasan yang terlalu luas, demografi yang rencam, ciri-ciri etnik yang pelbagai dan sebagainya.

Kajian lepas oleh Brandolini (2001) dan Sen (1987; 1999) adalah tentang pengukuran kemiskinan. Mereka menyatakan bahawa menggunakan data pendapatan bukan merupakan cara yang sempurna untuk mengukur kemiskinan, lantas mencadangkan agar tumpuan harus diberikan kepada keupayaan asas seseorang individu, konsep yang penting ini sukar untuk digunakan dalam kerja-kerja praktik. Madanipour et al. (2015) mengulangi pendapat Sen dengan menyatakan bahawa kemiskinan tidak hanya boleh dikaitkan dengan kekurangan wang, malah Haveman dan Bershadker (2001) mengemukakan penyelesaian dengan satu kaedah yang dapat mengukur prestasi ekonomi yang boleh mencegah kemiskinan iaitu melalui kemahiran kendiri. Hal ini turut disokong oleh Mohamed Saladin Abdul Rasool et al. (2011) adalah berkenaan dengan isu keberkesanan pengukuran kadar kemiskinan oleh Unit Perancang Ekonomi Malaysia yang menggunakan pendapatan. Kajian mereka mendapati kaedah ukuran berasaskan kewangan atau pendapatan adalah tidak tepat dan perlu memasukkan bersama ukuran bukan bersifat kewangan atau pelbagai dimensi.

Malah, Li dan Schwaub (2004) serta Wade (2001) mengaitkan kemiskinan pula dengan ketidakseimbangan pendapatan, ketidakselamatan yang meningkat serta kekejaman global. Abbott dan Pollard (2004) kemiskinan boleh disebabkan oleh faktor kebudayaan, personaliti, demografi dan kekurangan teknologi moden. Budaya tidak mahu bekerja kuat dan tidak mencari peluang yang ada di sekeliling mereka boleh mempengaruhi peluang mencari rezeki dan mewujudkan masalah kemiskinan. Begitu juga kesan demografi, sebagai contoh jika sekumpulan penduduk tinggal di kawasan terpinggir dari arus pembangunan dan tidak mempunyai tanah yang subur untuk bertani tentulah sukar untuk mendapatkan pekerjaan untuk memperolehi pendapatan berbanding dengan penduduk yang tinggal di kawasan yang maju dengan arus pembangunan dan mempunyai kawasan tanah yang subur. Antara puca kemiskinan yang ketara juga wujudnya satu golongan masyarakat yang tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi, kekurangan kuasa sosial, kekurangan pendidikan dan ketidakupayaan memiliki faktor-faktor pengeluaran.

Wagle (2004) membuat kajian di Amerika Syarikat mengenai dimensi kemiskinan yang dilihat dari segi kesejahteraan ekonomi, kemampuan dan sosial. Seterusnya beliau membahagikan status kemiskinan kepada empat iaitu: pertama, miskin adalah jika hanya miskin dari sudut kesejahteraan ekonomi atau hanya miskin dari segi kemampuan atau hanya miskin dari segi sosial sahaja; kedua, sangat miskin jika miskin dua daripada tiga sudut miskin; ketiga, kemelaratan pula apabila miskin dari ketiga-tiga sudut miskin; dan keempat, tidak miskin adalah tidak termasuk dalam mana-mana sudut miskin yang dikaji. Selain itu, Wagle juga menghuraikan ciri-ciri kemiskinan berdasarkan kepada kaum, jantina, kelahiran, saiz isirumah dan status perkahwinan iaitu seperti yang disenaraikan berikut: pertama, penentu penting kepada kemiskinan adalah bangsa atau kaum, jantina, kelahiran (*nativity*), saiz isirumah dan status perkahwinan; kedua, golongan kulit hitam dan Hispanic adalah paling miskin iaitu peratus kemiskinan kepada keseluruhan kemiskinan paling tinggi; ketiga, ketua keluarga adalah wanita; keempat, mereka yang dilahirkan di luar Amerika Syarikat; kelima, keluarga yang besar dan mempunyai ramai anak, walau bagaimanapun peratus kemiskinan kepada keseluruhan kemiskinan adalah paling rendah; dan keenam, mereka yang tidak pernah berkahwin, janda atau duda.

Kajian oleh Asselin dan Anh (2010) mengenai penunjuk kemiskinan di Vietnam mendapati antara penunjuk yang digunakan adalah pengangguran, penyakit yang serius, golongan dewasa yang tidak dapat membaca, menulis dan mengira (buta huruf), kanak-kanak yang tidak bersekolah, tiada radio dan TV, jenis kediaman, air minuman serta sanitasi atau tandas. Daripada penunjuk ini boleh dikenal pasti asas kemampuan manusia iaitu kemampuan untuk mencipta pendapatan, kemampuan untuk mendapatkan pelajaran dan komunikasi dan kemampuan untuk hidup sihat. Secara ringkasnya, kajian ini menjelaskan konsep kemiskinan manusia dan kemiskinan fizikal. Walau bagaimanapun, Asselin dan Anh (2010) mendapati agak sukar untuk menerangkan kemiskinan sosioekonomi secara jelas tanpa ukuran agregat ke atas kemiskinan manusia dan kemiskinan fizikal. Oleh itu, mereka menggunakan penunjuk komposit. Untuk membentuk penunjuk komposit melalui lapan penunjuk, mereka menggunakan Multiple Correspondence Analysis (MCA). Penunjuk komposit ini dibahagikan kepada dua subpenunjuk iaitu aset manusia (pekerjaan, kesakitan, buta huruf dan persekolahan) serta aset fizikal (radio dan tv, kediaman, air minuman dan tandas).

Kajian kemiskinan multidimensi ini turut menarik minat Mussard dan Alperin (2008), iaitu mereka memperkenalkan satu metodologi baharu untuk mengukur ketidakseimbangan dalam kemiskinan multidimensi antara kumpulan populasi dan dimensi. Kajian dilakukan di Argentina pada tahun 1998 ke atas 28,511 isirumah. Pembolehubah yang dikaji adalah jenis pekerjaan dan lokasi tempat tinggal isirumah, jenis rumah, saiz isirumah, ciri-ciri tandas, jumlah pendapatan isirumah, tahap pendidikan, pekerjaan yang stabil, sumbangan sosial, nisbah bilangan

isirumah dengan jumlah pendapatan. Dapatan kajian menunjukkan dimensi utama yang menyumbang kepada ketidakseimbangan kemiskinan adalah ciri-ciri tandas, saiz isirumah dan pekerjaan.

Deutsch dan Silber (2005) membuat perbandingan pendekatan dalam menganalisis kemiskinan multidimensi berdasarkan empat pendekatan iaitu *fuzzy set*, teori maklumat, analisis kecekapan dan pendekatan *axiomatic*. Keempat-empat pendekatan menunjukkan kemiskinan berkurangan dengan tahap persekolahan ketua isirumah dan kemiskinan meningkat dengan bilangan ahli isirumah meningkat. Selain itu, kemiskinan adalah tinggi jika ketua isirumah adalah individu (hanya ada ayah atau ibu) dan kemiskinan adalah rendah jika ketua isirumah berkahwin. Bagi Housseima dan Jaleleddine (2012) yang membuat kajian di Tunisia pula mendapati kemiskinan multidimensi yang tinggi adalah dalam kalangan ketua isirumah wanita, ketua isi berumur 35–44 tahun dan ketua isirumah yang tidak mempunyai taraf pendidikan tinggi.

Sementara itu, Naveed dan Tanweer-ul-Islam (2010) membuat kajian kemiskinan multidimensi di Pakistan khususnya dalam konteks *Millennium Development Goals (*MDGs). Mereka memilih dua wilayah iaitu Khyber-Pakhtoonkhwah dan Punjab. Hasil kajian, mereka mendapati penggunaan pendekatan kewangan dalam mengukur kadar kemiskinan mempunyai batasan iaitu sukar mengenal pasti kadar kemiskinan yang sebenar. Oleh itu, mereka telah mengunakan ukuran kemiskinan multidimensi untuk mengenal pasti siapa yang miskin. Penunjuk kemiskinan yang dikenal pasti seperti pendidikan, kesihatan, tempat tinggal atau rumah, elektrik, akses kepada air minuman yang selamat, sanitasi, mata pencarian, status anak, bahan api untuk memasak, kualiti air dan pemilikan tanah.

Notten (2008) pula membuat kajian di Republik Congo pada tahun 2005. Kajian ini mengenal pasti corak kemiskinan rakyat Congo dan bagaimana ia berbeza antara wanita, lelaki dan kanak-kanak (kemiskinan individu). Maklumat yang dikumpul termasuklah perbelanjaan isirumah, keadaan tempat tinggal dan ciri-ciri individu. Lapan penunjuk kesejahteraan yang dikaji adalah wang atau pendapatan (pada tahap isirumah), pendidikan (pada tahap individu), nutrisi (pada tahap isirumah), kesihatan (pada tahap individu), pekerjaan (pada tahap individu), air dan sanitasi (pada tahap isirumah), rumah (pada tahap isirumah) dan hubungan kekeluargaan (pada tahap isirumah). Kajian Notten ini mendapati dimensi kemiskinan yang paling miskin adalah rumah, diikuti air dan sanitasi serta kemiskinan dari segi kewangan atau pendapatan. Seterusnya kajian ini mendapati jumlah kanak-kanak dan wanita yang miskin lebih tinggi daripada kaum lelaki. Bagi setiap dimensi, kanak-kanak mencatatkan kemiskinan yang tinggi, kecuali pekerjaan. Sementara itu, insiden kemiskinan antara bandar dan luar bandar pula menunjukkan kawasan luar bandar mencatatkan kemiskinan yang tinggi berbanding bandar, kecuali bagi dimensi pekerjaan. Individu yang tinggal dalam keluarga tunggal atau keluarga yang hanya ada ayah atau ibu (*single parent*) akan menghadapai masalah kemiskinan dari segi nutrisi, kesihatan, air dan sanitasi. Jika dibandingkan antara wanita dengan lelaki, bagi setiap dimensi wanita adalah lebih miskin, kecuali dalam dimensi air dan sanitasi.

Alkire dan Seth (2009) membuat kajian mengenai kemiskinan di India menggunakan pendekatan ukuran kemiskinan multidimensi (Kaedah AF). Kajian ini melihat sepuluh dimensi ukuran kemiskinan iaitu tanah, perumahan, sekuriti makanan, sanitasi, aset, pendidikan, buruh, pekerjaan, status anak dan pinjaman. Kajian mendapati dimensi yang paling miskin bagi penduduk India adalah sanitasi, tanah dan pinjaman. Kajian ini mendapati hampir separuh daripada isirumah miskin dalam sebahagian dimensi yang dinyatakan. Berdasarkan garis kemiskinan pendapatan, isirumah miskin di India yang berada di bawah garis kemiskinan akan diberi kad Below Poverty Line (BPL). Hasil kajian mendapati berdasarkan garis pemisah yang ditetapkan, terdapat isirumah yang tidak miskin tetapi diberi kad BPL dan ada isirumah yang miskin tetapi tidak diberi kad BPL. Oleh itu, Alkire dan Seth (2009) menyimpulkan bahawa pengukuran kemiskinan menggunakan kemiskinan multidimensi adalah lebih sesuai digunakan berbanding ukuran kemiskinan unidimensi.

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas yang dibincangkan di atas berkaitan kemiskinan, pengkaji merumuskan bahawa kerangka konseptual kemahiran hidup isirumah miskin itu sendiri gagal disentuh oleh pengkaji terdahulu. Oleh kerana itu, kajian ini amat wajar dijalankan dan mempunyai nilai sumbangan keilmuan pada peringkat ilmiah. Kajian terdahulu banyak menyentuh isu berkaitan dengan ukuran, faktor, kesan, pembahagian status atau bentuk dan pendekatan dalam menganalisis kemiskinan, sebaliknya kajian ini memiliki kelainan kerana memfokuskan kepada aspek psikososial bagi kerangka konseptual kemahiran hidup isirumah miskin dalam menangani kemiskinan keluarga.

## 3. Perspektif Teori Mendokong Kerangka Konseptual Kemahiran Hidup

Kemahiran hidup yang dimaksudkan oleh Teori Kemahiran Hidup (*Life Skills Theory*) adalah kebolehan menjalankan tingkah laku positif berdasarkan situasi berubah-ubah setiap individu semasa berhadapan dengan cabaran hidup setiap hari. Kajian menangani kemiskinan keluarga yang cuba dikaitkan dengan aspek kemahiran hidup isirumah adalah menggunakan Teori Kemahiran Hidup yang dibangunkan dan digunakan oleh WHO pada tahun 1998. Menurut Berger et al. (2001) dan Hodge et al. (2012), pendekatannya lebih berasaskan kemahiran hidup manusia bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi mereka dari perspektif psikososial. Menurut WHO (1999), teori ini adalah berasaskan kepada 10 norma diri manusia bagi memberikan kejayaan kepada seseorang keluar daripada belenggu diri seperti kemiskinan keluarga.

*DuBrin (2016) dan* Wilson et al. (2010) *berpendapat* WHO membangunkan teori ini dalam konteks kesihatan diri manusia dari aspek psikologi sosial kerana pesakit kerap berhadapan dengan gangguan norma positif dalam diri.

Sebanyak 10 norma (konstruk) yang menjadi ukuran kepada teori ini dan perlu berkeadaan baik hubungannya antara setiap norma hidup untuk mendapatkan keputusan analisis yang baik tentang diri dalam menghadapi masalah kemiskinan. Oleh kerana itu, WHO (1999) menjelaskan definisi konseptual kemahiran hidup adalah berlandaskan kepada norma-norma hidup positif yang merangkumi penyelesaian masalah, pembuatan keputusan, ketahanan diri, pemikiran kreatif, kesedaran diri, pemikiran kritis, empati, komunikasi berkesan, keyakinan diri dan kestabilan pemikiran (Rajah 1).




**Rajah 1 - Kerangka konseptual kemahiran hidup bagi menangani kemiskinan keluarga**
Sumber: diolah daripada WHO (1999)

WHO (1999) turut membincangkan bahawa kemahiran mempunyai jenis-jenisnya yang berbeza mengikut persekitaran hidup atau pekerjaan. Pada umumnya, kemahiran boleh dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu: pertama, membaca; kedua, berbahasa; ketiga, mencari rezeki; keempat, vokasional dan teknikal; kelima, pekerjaan; keenam, berbudaya; ketujuh, bersukan dan berrekreasi; dan kelapan adalah kemahiran hidup seseorang. Kemahiran hidup seseorang merupakan satu daripada lapan senarai jenis kemahiran yang dibincangkan oleh Teori Kemahiran Hidup 1998 oleh WHO (1999). Penerimaan terhadap kemahiran hidup secara keseluruhannya akan menjadikan hubungan antara anggota masyarakat atau keluarga lebih baik sehingga boleh membawa kepada perspektif kehidupan lebih positif dan sihat. Terdapat 10 sebab keperluan bagi kemahiran hidup yang diperkatakan oleh WHO iaitu untuk:

a. cerminan diri dan gambaran kehebatan diri;
b. meningkatkan kemahiran berkomunikasi;
c. membentuk hubungan lebih baik dengan seseorang di samping mampu mengatasi masalah diri;
d. meningkatkan kemampuan membuat keputusan dan menyampaikan hasil keputusan;
e. membantu mengendali cabaran setiap hari;
f. menjadikan seseorang terlatih (sekiranya melalui latihan);
g. membolehkan seseorang mengadaptasi situasi dan manusia lain;
h. menolong mendapatkan pendekatan positif bagi menyelesaikan masalah diri;
i. mengurangkan masalah tingkah laku negatif dalam hidup; dan
j. membolehkan seseorang menterjemahkan ilmu pengetahuan, sikap dan nilai murni ke dalam tindakan sebenar atau berdasarkan persekitaran hidup sebenar.

Menurut WHO (1999), kemahiran hidup sememangnya hadir dalam diri setiap individu. Bagi memastikan kemahiran hidup lebih menyerlah, ia perlu digilap sepanjang masa, bukan hanya dipraktikkan sekali seumur hidup atau jarang-jarang dilakukan. Setiap diri manusia perlu memiliki kemahiran hidup bagi memastikan mereka boleh hidup dengan baik walau menghadapi pelbagai masalah dalam kehidupan. Oleh sebab itu, Herbst et al. (2008) dan Rosario et al. (2002) berpendapat kajian kemahiran hidup ini bukan perkara baharu dalam bidang kesihatan manusia oleh WHO kerana ia turut sesuai digunakan oleh pengkaji bidang pendidikan, pencegahan jenayah, penyelesaian konflik, masalah kehidupan masyarakat, media, penderaan manusia, isu alam sekitar, pembangunan kerjaya dan pekerjaan serta perkahwinan. Walau bagaimanapun, selain daripada bidang kajian di atas, ia turut boleh diaplikasi kepada kajian sosial secara menyeluruh disebabkan oleh teori ini bersifat psikologi sosial.

## 3.1 Penyelesaian masalah dan definisi operasional kajian

Kemampuan menyelesaikan masalah pada pandangan Carstensen dan Mikels (2005) adalah dipengaruhi oleh jenis masalah dan konteks masalah yang dihadapi oleh seseorang sama ada miskin atau tidak miskin. Malah, Blanchard-

Fields (2007) berpandangan dalam konteks penyelesaian masalah didapati orang dewasa boleh menyelesaikan masalah dengan lebih baik berbanding remaja atau orang muda. Sheets dan Kraines (2014) berpendapat orientasi masalah diri yang positif menjadikan seseorang cenderung melihat masalah sebagai cabaran dan percaya bahawa masalah dapat diselesaikan dengan baik. Sementara itu, orientasi masalah yang negatif pula menjadikan seseorang cenderung melihat masalah sebagai ancaman manusia bagi mencapai kejayaan atau mudah kecewa. Bahkan, Paterson et al. (2016) berpendapat kegagalan diri seseorang menyelesaikan masalah dengan berkesan menjadikan mereka hilang tingkah laku positif dan gangguan emosi. Tambahan pula, Youssef-Shalala (2014) berpendapat seseorang telah tersedia ada kemahiran untuk menyelesaikan masalah hidup yang disebut oleh Sweller (2009) sebagai kreativiti semula jadi manusia. Kreativiti menyelesaikan masalah ini berkaitan dengan penurunan genetik manusia kepada generasinya dan ia berbeza antara diri manusia.

Pada pandangan *Carver dan Connor-Smith (2010) serta* Snyder (1999), biasanya dalam konteks menangani masalah tekanan hidup, konflik, trauma dan merasa kehilangan sesuatu. *Tariq dan Khan (2013) berpendapat k*emampuan menangani masalah diri dalam konteks psikologi biasanya merujuk kepada usaha untuk menyelesaikan masalah diri pada peringkat individu atau kumpulan. Pada pandangan *Booth-Butterfield et al. (2014), i*a memerlukan kemahiran asas bagi seseorang individu, keluarga atau kumpulan kerana masalah terkait dengan proses dan penyelesaiannya juga perlu melibatkan strategi yang sesuai. Menurut Carver (2011) serta Zeidner dan Endler (1996), mereka bersepakat dalam menentukan strategi yang biasa digunakan melibatkan empat iaitu penyesuaian kognitif, penyesuaian tingkah laku, pengubahan tindakan emosi dan usaha menghasilkan tindak balas positif.

Menurut Marsiske dan Margrett (2006), Thornton et al. (2007), Thornton et al. (2013) serta Thornton dan Dumke (2005), mereka yang mengamalkan cara hidup tradisional akan gemar menyelesaikan masalah diri secara tradisional disebabkan itulah kemampuan diri sebenar dan tidak semestinya tidak berkesan kerana terdapat bukti menunjukkan wujudnya kejayaan. Bahkan, kajian oleh Yen et al. (2011) menunjukkan juga bahawa tidak wujud hubungan yang signifikan antara masalah diri dengan persekitaran hidup mereka yang mengamalkan cara hidup tradisional dalam pelbagai konteks seperti kesihatan mental dan psikologi. Ini menjelaskan bahawa masalah diri tiada kaitan dengan persekitaran hidup harian. Norma penyelesaian masalah adalah sedikit berbeza dengan pembuatan keputusan. Ini kerana, *Malakooti (2013) serta* Wang dan Chiew (2010) berpendapat masalah perlu dikenal pasti terlebih dahulu berbanding pembuatan keputusan. Malah, *Rubin et al (2012) berpendapat* penyelesaian masalah mempunyai matlamat yang tertentu kerana bersifat pragmatik dan logik. Menurut Firend (2014), Kant et al. (1997) *dan Mayer (1992), d*alam psikologi tokoh bernama Thomas J. D’Zurilla pada tahun 1988 mendefinisikannya sebagai proses “kognitif-afektif-tingkah laku” bila mana seseorang cuba untuk mengenal pasti, mencari atau mencipta sesuatu bagi menyelesaikan masalah kehidupan harian.

Oleh kerana itu, penyelesaian masalah secara operasionalnya adalah merujuk kepada penetapan peringkat awal objektif bagi menyelesaikan masalah melalui kaedah psikologi dari berbentuk kognitif yang akan melahirkan afektif, seterusnya menghasilkan tingkah laku untuk mengenal pasti, mencari atau mencipta sesuatu bagi menyelesaikan masalah kehidupan harian.

## 3.2 Pembuatan keputusan dan definisi operasional kajian

Kajian oleh Li et al. (2013) dan Nemoto et al. (2005) mendapati bahawa kebijaksanaan manusia akan merosot selaras dengan peningkatan usia dan seterusnya mempengaruhi penurunan kebijaksanaan dalam membuat keputusan. Walau bagaimanapun, terdapat juga sebilangan kecil kes yang menunjukkan kebijaksanaan golongan semakin berumur menurun tetapi gaya dan kaedah membuat keputusan lebih baik berbanding dengan golongan lebih muda disebabkan oleh pengalaman yang dimiliki mereka. Golongan yang semakin berumur ini lebih baik pembuatan keputusan. Juga turut disokong oleh kajian oleh Charles dan Carstensen (2010) serta Samanez-Larkin dan Carstensen (2011) iaitu disebabkan oleh kebaikan dalam berhujah dan mengemukakan pendapat secara antara-diri (*inter-personal*) mahupun antara-kumpulan (*inter-group*). Menurut Artistico et al. (2003), Salthouse (2004; 2006; 2010), Strough et al. (2008), Tentori et al. (2001) serta Thornton dan Dumke (2005), kajian terkini menunjukkan bahawa kebijaksanaan dalam membuat keputusan adalah berdasarkan kepada keilmuan yang dimiliki apabila memasuki umur 60an dan kebiasaannya akan kekal selepas umur 60 tahun. Kajian oleh Dougherty et al. (2008) serta Schwikert dan Curran (2014) mendapati kebolehan membuat keputusan dengan baik adalah berkait dengan kebolehan mengeksploitasi kognitif (pemikiran) dan menggunakan memori sebaik mungkin.

Maksud operasional kajian bagi norma pembuatan keputusan adalah lebih kepada perbuatan untuk menyelesaikan sesuatu dengan cara bersesuaian, sekurang-kurangnya mencapai tahap yang memuaskan. Oleh kerana itu, keputusan yang dibuat seharusnya rasional berdasarkan ilmu dan kepercayaan. Menurut *Armstrong (2001) dan* Frost et al. (2008), *d*alam psikologi pembuatan keputusan seharusnya berdasarkan tiga perkara iaitu keputusan berdasarkan kehendak, proses berterusan dan bersepadu serta logik. Ciri-ciri pembuatan keputusan adalah seperti berikut:

i. objektif bagi pembuatan keputusan semestinya diwujudkan dahulu;
ii. objektif mesti dikelaskan dan meletakkan yang paling penting di atas;
iii. tindakan pilihan mesti dirangka;
iv. pilihan-pilihan mesti dinilai terhadap semua objektif;
v. pilihan-pilihan yang mampu dicapai bagi semua objektif merupakan keputusan peringkat awal; serta

vi. tindakan terhadap keputusan dan tindakan tambahan perlu diambil bagi mencegah sebarang perkara yang boleh mewujudkan masalah dalam pembuatan keputusan.

## 3.3 Ketahanan diri dan definisi operasional kajian

Menurut Kleina et al. (2010), ketahanan diri adalah sebarang usaha untuk memperoleh sesuatu yang berasaskan kemahiran tertentu dan disokong oleh pihak bertanggungjawab untuk menjayakannya. Bandura (1994) dan Zimmerman (1990; 2002) berpendapat manusia akan menggunakan strategi bagi mencapai tujuan tertentu dan mempercayai kebolehan mendorong mereka untuk yakin berjaya sehinggakan diri menjadi lebih kuat. Pada pandangan Yerdelen-Damar dan Man (2013), ia juga menjadi asas sehingga menjadikan seseorang mampu hidup atau bertahan walau apa juga keadaan menimpa diri. Ini kerana, perasaan, pemikiran, motivasi dan tingkah laku positif sedia ada dalam diri menjadikan seseorang lebih kuat dalam menghadapi cabaran hidup. Hal ini turut disokong oleh kajian Britner dan Pajares (2006), Linnenbrink dan Pintrich (2003) serta Kupermintz (2002) yang menyatakan bahawa ketahanan diri adalah selaras dengan kebolehan diri yang pada asalnya didorong oleh perasaan, pemikiran, motivasi dan tingkah laku positif. Kajian oleh Coutinho (2008) mendapati terdapat hubungan positif atau langsung antara ketahanan diri dengan pencapaian. Menurut Coutinho (2008) dan Pintrich (2004), pencapaian seseorang kebiasannya berkait dengan aktiviti berasaskan gender dan kajian oleh Gorard dan See (2009), Kost et al. (2009) serta Pintrich (2004) adalah berasaskan kepada ciri kepelbagaian sifat semulajadi manusia.

Norma ketahanan diri adalah kemampuan individu untuk berjaya dalam hidup berhadapan dengan pelbagai masalah sosial atau sesuatu persekitaran yang kurang baik atau sifat mampu mengadaptasi diri dalam persekitaran mencabar. Umpamanya, *Pecillo (2016) berpendapat* tekanan hidup membentuk arah tuju hubungan kekeluargaan, masalah kesihatan, masalah kewangan atau masalah di tempat kerja. *Richardson (2002) berpendapat k*etahanan diri ini menjadikan mereka atau individu terlibat mampu keluar daripada persekitaran sedemikian. Dengan kata lain, Zautra et al. (2010) berpendapat seseorang yang memiliki ketahanan diri adalah bebas daripada perasaan negatif, pemikiran lemah dan kuat semangat sehingga menjadikannya yakin diri menghadapi pelbagai isu semasa yang wujud dalam persekitaran hidup. Malah, mereka akhirnya dapat membentuk jiwa yang tenang, yakin diri, sikap yang baik dan berupaya mengubah diri ke arah kecemerlangan. Menurut *Gavidia-Payne et al. (2015) dan Luther (2015), f*aktor yang menjadikan seseorang memiliki ketahanan diri adalah kebolehan memastikan pelan realistik diri bagi mencapai kejayaan, yakin kekuatan dan kebolehan diri, kebolehan berkomunikasi bagi menyelesaikan masalah serta kebolehan mengurus perasaan diri.

Justeru, maksud operasional bagi norma ketahanan diri merujuk kepada kemampuan individu untuk berjaya dalam hidup berhadapan dengan pelbagai masalah sosial atau sesuatu persekitaran yang kurang baik dan akhirnya dapat membentuk jiwa yang tenang, yakin diri, sikap yang baik dan berupaya mengubah diri ke arah kecemerlangan. Malah ia juga perlu berdasarkan faktor realistik diri bagi mencapai kejayaan, yakin kekuatan diri, kebolehan menyelesaikan masalah dan kebolehan mengurus perasaan.

## 3.4 Pemikiran kreatif dan definisi operasional kajian

Pemikiran kreatif pada pandangan Brown (1987) adalah pembelajaran teratur dan bersistematik kerana ia bersandarkan kepada ilmu pengetahuan yang mempunyai proses kognitif tersusun. Ia adalah susunan ilmu yang logik bagi membentuk penyelesaian masalah. Dalam situasi pembentukan kreativiti tersebut Pressley et al. (2006) berpendapat pendekatan pedagogi perlu ditekankan untuk membentuk ilmu praktik dan bersesuaian dengan persekitaran semasa. Sehingga masa kini, Cross (2006) dan Garofalo et al. (2006) berpendapat terdapat sedikit sahaja yang mampu menghasilkan idea kreatif disebabkan oleh kelemahan metod pendidikan semasa dan kerana itu juga banyak masalah gagal diselesaikan oleh seseorang untuk mencapai kejayaan. Kajian oleh Baer (2011), Hennessey dan Amabile (2010) serta Sternberg dan Lubart (1996) mendapati kreativiti terhasil daripada kemahiran hidup dan keluarga, tetapi ia boleh terhasil daripada proses pembelajaran formal dengan silibus pembelajaran mengikut peredaran masa. Walau bagaimanapun, Cadle (2015) serta Hargrove dan Nietfeld (2015) berpendapat masih kurang jelas suatu bentuk ujian kreativiti yang pernah dihasilkan oleh kajian terdahulu disebabkan kesukaran untuk mengujinya dalam konteks manusia yang pelbagai budaya, cara hidup dan pemisahan geografi atau lokaliti. Perbincangan soal kreativiti ini telah lama wujud sejak awal abad ke-20 sehingga kini (Mednick, 1962; Wallach & Kogan 1965). Umpamanya, Mednick (1962) menggambarkan kreativiti sebagai gabungan aspek pemikiran dengan perasaan; Wallach dan Kogan (1965) yang mengubah suai pendapat Mednick (1962) kreativiti seseorang untuk menjustifikasikan sesuatu bagi menyelesaikan masalah dan seharusnya berbeza dengan apa yang telah dilakukan terdahulu oleh pihak lain.

Beghetto dan Kaufman (2007) berpendapat kajian tentang kreativiti seharusnya berkaitan dengan perspektif terkini iaitu perlu merupakan sesuatu yang baharu dan bermakna untuk manusia. Menurut Kaufman dan Beghetto (2009; 2013), sekiranya kreativiti yang terhasil gagal menerapkan atau menggunakan ilmu sedia ada ia sukar untuk mencapai sebuah kreativiti terkemuka pada pandangan keilmuan manusia sejagat. Dengan kata lain, kreativiti yang terhasil perlu berasaskan ilmu tertentu agar manusia dapat menghayati kebaikan kreativiti dengan mudah berasaskan ilmu sedia ada atau ilmu baharu. Maksud norma pemikiran kreatif berdasarkan pendapat *Mumford (2003)* adalah sesuatu pemikiran baharu (*originality*) dan bernilai melibatkan dua keadaan sama ada bersifat tidak boleh dipegang atau tidak boleh dilihat (*intangible*) seperti idea, teori, jenaka dan perasaan. Sementara itu, keadaan kedua adalah yang boleh dipegang

atau dilihat (*tangible*) seperti objek dan barangan. *Kozbelt et al. (2010)* berpendapat pemikiran kreatif perlu melibatkan empat perkara iaitu proses, produk, manusia dan tempat. Proses melibatkan hal kognitif manusia yang cuba menjelaskan mekanisma dan teknik pemikiran kreatif. Produk pula biasanya wujud bagi tujuan mengukur kreativiti untuk menggambarkan kejayaan sesuatu pemikiran. Manusia merujuk kepada kebijaksanaan, idealisme, kemahiran dan sikap suka meneroka sesuatu yang baharu. Sementara itu, tempat pula merujuk kepada persekitaran di mana kreativiti berlaku seperti aksesibiliti kepada sumber kreativiti, persekitaran yang merangsang kreativiti dan keistimewaan lokasi di mana kreativiti berlaku oleh seseorang manusia. Dari segi ekonomi, pemikiran kreatif membabitkan hasil pemikiran yang boleh meningkatkan sumber ekonomi, pendapatan atau kemewahan hidup.

Oleh kerana itu, pemikiran kreatif secara operasionalnya dalam kajian ini melibatkan sesuatu ciptaan baharu bermanfaat baik secara nampak atau tidak nampak memberikan impak positif kepada kehidupan, termasuklah ekonomi diri, isirumah atau keluarga.

## 3.5 Kesedaran diri dan definisi operasional kajian

Konsep kesedaran diri pada pandangan Morin (2011) dan Zaytoun (2006) melibatkan penggunaan ukuran penghargaan diri seseorang dalam melakukan sesuatu. Bagi mereka, konsep ini lebih kepada kesedaran diri bukan berasaskan paksaan daripada pihak lain untuk melakukan sesuatu dengan jayanya. Claassen (2011) juga turut bersependapat dengan Morin iaitu kesedaran seharusnya berasaskan peranan individu dalam membentuk diri sendiri. Namun, Capra (1996), Claassen (2011), Rhodes (2003) dan Silva et al. (2009) turut mengemukakan maksud kesedaran seharusnya melibatkan aspek pengetahuan seseorang kerana ia mampu membentuk diri ke arah kejayaan dalam apa juga yang dijalankan. Namun, bagi Nwagwu dan Fabunmi (2011) serta Sylvester et al. (2007), mereka berpandangan bahawa ia seharusnya diukur berdasarkan aspek pematuhan dan tindakan kerana dapat menggambarkan sesuatu kesedaran yang dimiliki oleh seseorang. Berdasarkan pandangan Ng (2007) serta Wyart dan Tallon-Baudry (2009), aspek penting yang perlu dinilai dalam kajian kesedaran adalah pengetahuan seseorang kerana mampu berperanan membentuk pemikiran dan tingkah laku. Namun demikian, Corbitt dan Thanasankit (2002) melihat aspek kepimpinan, penerimaan dan dasar yang berperanan dalam membentuk kesedaran diri seseorang. Idrus et al. (2004) dan Khoo (1998) pula lebih melihat aspek demografi kerana ia merupakan asas yang terdapat dalam diri seseorang.

Walau bagaimanapun, maksud kesedaran dalam bidang psikologi kognitif dari perspektif teori banyak disumbangkan oleh Teori Kognitif Sosial oleh Albert Bandura. Nowak dan Vallacher (2001) serta Tsakiris dan Haggard (2005) berpandangan bahawa teori ini menekankan pentingnya aspek proses kognitif seperti pemikiran kerana dikatakan mampu membentuk kesedaran yang baik, akhirnya boleh mewujudkan tindakan atau tingkah laku seseorang dengan betul. Prinsip teori ini adalah berdasarkan pembelajaran sosial iaitu daya ingatan dan emosi bersama-sama dengan pengaruh persekitaran. Rumusan teori ini menekankan bahawa pemikiran yang baik akan menghasilkan tindakan yang baik. Norma kesedaran diri juga merujuk kepada kebolehan menilai diri berdasarkan persekitaran dan dalaman diri. Menurut *Demetriou dan Kazi (2006), d*alam psikologi aspek kesedaran diri adalah digunakan buat pertama kalinya oleh Duval dan Wicklund pada tahun 1972 melalui buku mereka bertajuk "*A theory of objective self-awareness"*. Buku ini membicarakan bahawa keperluan kepada fokus dan perhatian berkenaan diri sendiri serta membandingkannya dengan piawaian baik yang ditetapkan untuk memastikan kesedaran diri selaras dengan kehendak piawaian ditetapkan. Malah, *Roberto (2016) berpendapat* individu yang melibatkan diri dengan komunikasi atau persekitaran mereka dikatakan mempunyai kebijaksanaan lebih baik untuk menilai diri sendiri, seterusnya tahap kesedaran diri juga menjadi lebih tinggi. Begitu juga pada pandangan *Toivanen (2013),* kepercayaan kepada diri berserta pengalaman dengan masyarakat yang berjaya boleh menjadikan mereka tinggi kesedaran untuk mencapai kejayaan. Menurut *Rochat (2003), k*esedaran diri tidak datang secara tiba-tiba melainkan individu terlibat berusaha mengubah diri sehingga dikatakan boleh mengubah cara berfikir, bercakap, bertindak, memiliki idea dan sebagainya ke arah kebaikan.

Justeru, maksud operasional bagi kesedaran diri perlu merujuk kepada kebolehan menilai dan mengubah diri berdasarkan persekitaran dan dalaman individu sehingga membawa kepada perubahan positif dalam cara berfikir, bercakap, bertindak, memiliki idea dan sebagainya.

## 3.6 Pemikiran kritis dan definisi operasional kajian

Maksud norma pemikiran kritis adalah pemikiran berasaskan kepada fakta benar bagi membentuk penilaian terhadap sesuatu perkara yang mudah sehingga kepada kompleks secara mendalam. Menurut Dewey (1910), biasanya pemikiran kritis ini melibatkan sesuatu yang rasional dan tidak berat sebelah disebabkan ia berlaku berdasarkan fakta yang nyata. Bahkan, *Walters (1994) berpendapat d*alam tempoh masa memikirkan secara kritis, alasan pemikiran jelas dan perlu baik serta penilaian yang benar dilakukan adalah secara adil. Dewey (1910) berpandangan selain daripada fakta yang jelas dan benar, perkara penting mempengaruhi pemikiran kritis juga adalah berlandaskan kepada pemerhatian, pengalaman hidup, refleksi diri, komunikasi dan kepercayaan diri berkaitan agama dan budaya setempat.

Oleh itu, maksud operasional bagi pemikiran kritis adalah suatu bentuk pemikiran berdasarkan fakta yang benar, berasaskan pengalaman, pemerhatian, refleksi diri, komunikasi dan kepercayaan diri berkaitan agama dan budaya setempat yang akhirnya membentuk penilaian diri secara mendalam.

## 3.7 Empati dan definisi operasional kajian

